



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PROGRAM PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR TERHADAP
SIKAP ALAM SEKITAR DALAM KALANGAN PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH DAERAH
SABAK BERNAM**

OMAR FIRDAUS B. MOHD SAID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan menentukan kesan program Perkhemahan Pendidikan Luar Model UPSI (PPLU) bagi sikap pelajar terhadap alam sekitar berdasarkan jantina, tempat tinggal dan juga perbezaan pendapat individu tentang alam sekitar. Kajian ini menggunakan rekabentuk Quasi Eksperimental (pra ujian dan pasca ujian dengan kumpulan kawalan). Seramai 160 pelajar dipilih secara rawak sistematik dan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan seramai 80 pelajar mengikuti program PPLU dan kumpulan kawalan seramai 80 pelajar mengikuti program Perkhemahan Perdana Unit Beruniform (PPUB). Manakala lapan orang pelajar dari kumpulan rawatan dipilih secara rawak bagi mengumpul data pemerhatian lapangan. Instrumen utama kajian ini adalah soal selidik *Enviromental Attitudes Knowledge & Scale (EAKS)* yang mempunyai 36 item soalan Sikap Terhadap Alam Sekitar. Pengkaji menggunakan pemerhatian lapangan berstruktur sebagai instrumen sokongan. Dapatan kajian yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan beberapa analisis kajian iaitu peratusan, ujian *t* tidak bersandar dan ujian *t* berpasangan. Analisis regresi berbilang juga digunakan untuk mencari faktor yang mempengaruhi perkaitan perubahan sikap individu. Dapatan kajian menyatakan pelajar yang tinggal di bandar dilihat mempunyai perubahan sikap yang signifikan terhadap alam sekitar selepas tamat program perkhemahan PPLU. Sebaliknya dapatan kajian bagi pembolehubah jantina dan pendapat menunjukkan tidak terdapat perubahan yang signifikan. Bagi dapatan regresi berbilang pula menunjukkan, tempat tinggal dilihat sebagai *predictors* yang mempunyai perhubungan sangat rapat terhadap perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar. Rumusan kajian mendapati, tempat tinggal boleh mempengaruhi kepada perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar. Cadangan kajian masa depan dicadangkan penambahbaikan jumlah responden yang lebih besar iaitu seluruh Negeri Selangor, penambahbaikan pembolehubah yang lain dan juga pemantapan model perkhemahan PPLU yang boleh mempengaruhi perubahan sikap lebih menyeluruh terhadap alam sekitar.





EFFECTS OF OUTDOOR EDUCATION PROGRAM TOWARDS THE ENVIRONMENTAL ATTITUDE AMONG THE SABAK BERNAM SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

This study was intended to determine the effect of UPSI Outdoor Education Camp Model (PPLU) on students attitudes toward environment based on gender, place of residence and the individual differences of opinion on the environment. This study used Quasi Experimental method (Pre and Post Control Group Design). A total of 160 students were selected using systematic random sampling representing two groups of 80 students for the treatment group and 80 students for the control group. The treatment group participated in the PPLU program and control group participated in the PPUB program. A total of eight students from the treatment group were selected randomly for additional data based on the field observation procedures. The main instrument used was a questionnaire on *Environmental Attitudes & Knowledge Scale* (EAKS) consisting of 36-questions item on attitudes towards the environment. Researcher also used a structured observation as a supporting instrument. The results were analyzed using several statistical tests such as the percentage, independent *t*-test and paired *t*-test. Multiple Regression analysis was used to find the factors influencing the differences, if any. The study showed students who live in the town was found to have a significant difference in their attitudes after participating in the PPLU program. In contrast, the finding of gender and place of residence variables showed no significant differences. The results from the Multiple Regression analysis showed that place of residence was among the *predictors* that have a close connection toward the individuals environmental attitudes change. From the study, it can be concluded that place of residence may influence the improvement of attitudes toward the environment. Future studies should focus on a larger number of respondents. It may be worth suggesting if the study can be conducted for the entire of Selangor to get a clearer size effect. On top of that, indentifying additional variables that may bring effect on an individual's change in attitude, and a modification in the structure of the PPLU program are also suggested.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	5
1.3	Pernyataan Masalah	8
1.4	Objektif Kajian	17
1.5	Persoalan Kajian	20
1.6	Kepentingan Kajian	22
1.7	Limitasi Kajian	24
1.8	Definisi Operational	26
1.9	Rumusan	29



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	30
2.2	Teori- teori Kajian	38
2.3	Soroton Kajian Lampau	43
2.4	Rumusan	53

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	54
3.2	Rekabentuk Kajian	55
3.2.1	Kerangka Konseptual Kajian	55
3.2.2	Pembolehubah-pembolehubah Kajian	58
3.2.3	Kaedah Kuantitatif	59
3.2.4	Kaedah Kualitatif	63
3.3	Populasi & Persampelan	66
3.3.1	Persampelan	68
3.3.2	Responden Kajian (Kualitattif)	69
3.3.3	Program Intervensi	71
3.3.4	Model Perkhemahan Pendidikan Luar UPSI	72
	Model Perkhemahan Perdana Unit Beruniform	76
3.4	Kawalan Terhadap Ancaman Dalaman & Luaran	80
3.5	Instrumen Kajian (Kuantitatif)	82
3.5.1	Inventori Demografi Pelajar	86
3.5.2	Sumber Gagasan Pemilihan Instrumen Kajian	86
3.5.3	Enviromental Attitudes and Knowledge Scales (EAKS)	88

3.5.4 Skala Sikap (The Attitude Scale) 89

3.6	Instrumen Kajian (Kualitatif)	90
3.6.1	Laporan Kajian Rintis	93
3.7	Penganalisan Data	94
3.8	Statistik Deskriptif	95
3.9	Statistik Inferensi	95
3.10	Rumusan	97

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	99
4.2	Analisis Inferensi	100

4.2.1	Persoalan Pertama Adakah terdapat perbezaan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan pada peringkat pra ujian dan pasca ujian	100
4.2.2	Persoalan Kedua Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan rawatan	102
4.2.3	Persoalan Ketiga Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan kawalan	103
4.2.4	Persoalan Keempat Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan pada peringkat pra ujian dan pasca ujian mengikut jantina	104
4.2.5	Persoalan Kelima Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan rawatan mengikut jantina	107

- 4.2.6 **Persoalan Keenam** 109
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan kawalan mengikut jantina
- 4.2.7 **Persoalan Ketujuh** 111
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan pada peringkat pra ujian dan pasca ujian mengikut tempat tinggal
- 4.2.8 **Persoalan Kelapan** 114
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan rawatan mengikut tempat tinggal
- 4.2.9 **Persoalan Kesembilan** 116
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan kawalan mengikut tempat tinggal
- 4.2.10 **Persoalan Kesepuluh** 118
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan pada peringkat pra ujian dan pasca ujian mengikut perbezaan pendapat
- 4.2.11 **Persoalan Kesebelas** 122
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan rawatan mengikut perbezaan pendapat
- 4.2.12 **Persoalan KeduaBelas** 124
Adakah terdapat perbezaan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar antara pra ujian dengan pasca ujian bagi kumpulan kawalan mengikut perbezaan pendapat
- 4.2.13 **Persoalan KetigaBelas** 126
Adakah terdapat perkaitan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar dengan pembolehubah-pembolehubah seperti jantina, tempat tinggal dan perbezaan pendapat bagi kumpulan rawatan
- 4.2.14 **Persoalan KeempatBelas** 128
Sejauhmanakah program Perkhemahan Pendidikan Luar UPSI mempengaruhi perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar



4.3	Rumusan Keseluruhan Bagi Aktiviti Pendidikan Luar yang menjadi pilihan responden	131
-----	--	-----

4.4	Rumusan	132
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	133
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	134
-----	-----------------------------	-----

5.3	Kesimpulan	153
-----	------------	-----

5.4	Cadangan	155
-----	----------	-----

RUJUKAN		158
----------------	--	------------

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
3.1 Rekabentuk Quasi Eksperimental	62
3.2 Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa & Saiz Kesan	69
3.3 Aktiviti yang dilaksanakan bagi Program Perkhemahan Pendidikan Luar Model UPSI	73
3.4 Aktiviti yang dilaksanakan bagi Program Perkhemahan Perdana Unit Beruniform	78
3.5 Skor Markah Skala Sikap EAKS	90
3.6 Persoalan Kajian	96
4.1 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan	101
4.2 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Bagi Kumpulan Rawatan	102
4.3 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Bagi Kumpulan Kawalan	103
4.4 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Bagi Lelaki	104
4.5 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Bagi Perempuan	106
4.6 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Lelaki	107
4.7 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Perempuan	108
4.8 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Lelaki	109
4.9 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Perempuan	110
4.10 Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Bagi Tempat Tinggal	112

4.11	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Bagi Tempat Tinggal	113
4.12	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Tempat Tinggal	114
4.13	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Tempat Tinggal	115
4.14	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Tempat Tinggal Pekan	117
4.15	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Tempat Tinggal Kampung	118
4.16	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Perbezaan Pendapat (Ecosentrik)	119
4.17	Skor Min Pra Ujian Dan Pasca Ujian Antara Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Bagi Perbezaan Pendapat (Egosentrik)	121
4.18	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Perbezaan Pendapat	122
4.19	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Rawatan Bagi Perbezaan Pendapat	123
4.20	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Perbezaan Pendapat	124
4.21	Skor Min Pra Ujian dan Pasca Ujian Kumpulan Kawalan Bagi Perbezaan Pendapat	125
4.22	Perkaitan Antara Pembolehubah Perubahan Sikap Pelajar Terhadap Alam Sekitar	127
4.23	Dapatan analisis peratusan (%) perbandingan aktiviti didalam program perkhemahan Pendidikan Luar yang mempengaruhi kepada sikap alam sekitar	128
4.24	Jadual Pemerhatian (Tingkahtlaku) Semasa Program Perkhemahan Pendidikan Luar	129

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
2.1 Teori Tingkahlaku Tanggungjawab Terhadap Alam Semulajadi	38
2.2 Teori Ekosistem Keluarga	40
2.3 Teori Perubahan Tingkahlaku	42
2.4 Rumusan Pemilihan Teori Kajian	42
3.1 Kerangka Konseptual	55
3.3 Model Eaks	84
3.4 Carta Pelaksanaan Kaedah Pemerhatian	92



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Gambar Persekitaran secara Fizikal
- B Senarai nama Pembantu Kajian
- C Senarai Nama Pakar Penilai Ubahsuai Borang Pemerhatian Lapangan
- D Senarai Nama Pakar Penilai Ubahsuai Program Perkhemahan Pendidikan Luar Modul UPSI
- E Instrumen Pemerhatian Lapangan Program Perkhemahan Pendidikan Luar
- F Perakuan Pengesahan Pakar Instrumen Pemerhatian Lapangan
- G Soal Selidik EAKS
- H Gambar Aktiviti Program Perkhemahan Pendidikan Luar
- I Senarai Pembentangan Kertas Kajian
- J Kebenaran Menjalankan Kajian – PPD SABAK BERNAM



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap hari manusia melakukan kemusnahan alam sekitar samada secara sengaja atau pun tidak. Sepanjang tempoh 50 tahun yang lalu, manusia telah mengubah ekosistem dengan cepat dan meluas dari mana-mana jangka masa setanding sejarah manusia (United Nations Millenium Ecosystem Assesment, 2005). Aktiviti manusia merupakan kesan utama kepada berlakunya kepanasan global hari ini (Confaloneiri, Menne, Akhtar, Ebi & Hauengue 2007). Kesan rumah hijau, suhu kepanasan yang melampau, dan penipisan lapisan ozon antara punca ribuan manusia mati setiap hari (Grove, 2002). Pengkaji melihat isu ini merupakan suatu isu global yang memerlukan peranan serta

tanggungjawab semua pihak tanpa mengira faktor jantina, pengaruh tempat tinggal, dan juga pendapat samada daripada peringkat terendah sehinggalah kepada peringkat tertinggi negara itu sendiri menangani isu tersebut. Peranan dan tanggungjawab ini pula memerlukan suatu perubahan yang melibatkan sikap atau “attitude” individu dalam memastikan persekitaran sentiasa dijaga dan dihargai demi kelangsungan hidup generasi akan datang.

Kemusnahan alam semulajadi dan alam sekitar ini adalah disebabkan oleh sikap manusia itu sendiri. Saban hari, saban tahun, masalah kemusnahan alam sekitar masih gagal di tangani. Kemusnahan alam sekitar sebenarnya tidak dapat dipisahkan dengan sikap individu dan tanggungjawab masyarakat. Permasalahan global ini berlaku adalah disebabkan sikap individu dan kurangnya pemahaman serta pengetahuan tentang sebab dan akibat kemusnahan alam sekitar kepada masyarakat. Tambahan pula, kemusnahan alam sekitar ini turut disebabkan oleh kurangnya kesedaran, nilai keprihatinan individu, serta hilangnya sikap untuk menjaga dan memelihara alam sekitar sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sebagai seorang manusia. Pembentukan sikap individu dan masyarakat yang prihatin ini sebenarnya memerlukan masyarakat yang mempunyai piawai kualiti hidup yang sangat tinggi (Punthumnavin, 2008).

Selain itu, Pendidikan Luar adalah pendidikan yang menggunakan segala ruang dan peluang pembelajaran diluar bilik darjah iaitu alam sekitar bagi tujuan pendidikan (Neill, 2008). Antara lain, menurut Bishop, Corning, Yoshino, & Shellman, (2009), menyatakan program Pendidikan Luar sebenarnya memberi peluang kepada pelajar untuk

menjadi sebahagian daripada alam sekitar. Ini kerana melalui pengajaran dan pembelajaran tersebut pelajar dapat merasai sendiri pengalaman pembelajaran yang melibatkan alam semulajadi dan persekitaran.

Pendidikan Luar juga dilihat sebagai suatu subjek yang sangat efektif, dengan kaedah dan strategi pembelajarannya mempromosikan alam semulajadi sebagai makmal pengajaran dan pembelajaran yang sangat berkesan (Md Amin, 2010). Selain memperkayakan fizikal, emosi, rohani dan intelektual pelajar terhadap cabaran alam semulajadi, Pendidikan Luar turut menekankan tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Menurut Thiengkamol (2011), Pendidikan Luar sebagai proses yang bukan sahaja dilaksanakan secara formal tetapi secara tidak formal juga. Pendidikan Luar juga sebagai proses pembelajaran pengalaman yang terjadi dengan melakukannya. Ianya juga merupakan pembelajaran sepanjang masa.

Maka didalam pendidikan luar itu sendiri menekankan tentang pembelajaran berkaitan alam semulajadi iaitu pendidikan alam sekitar. Melalui pembelajaran alam semulajadi didalam pendidikan luar, ianya merupakan tujuan utama dimana pendidikan alam sekitar bertujuan membangunkan masyarakat dunia mengenai persekitaran dan masalah-masalah yang membelenggu dengan mempunyai pengetahuan, kemahiran, sikap, motivasi dan komitmen individu secara kolektif bagi membantu menyelesaikan masalah semasa serta pencegahan berkaitan alam semulajadi (UNESCO-UNEP-1978).



Manakala sikap pula merujuk kepada suatu tingkah laku yang lahir daripada perilaku manusia samada ianya ke arah perilaku yang positif ataupun negatif. Sikap juga merujuk kepada keperibadian seseorang individu. Sikap boleh dipupuk samada sikap yang baik ataupun sebaliknya. Sikap kepada persekitaran terbentuk hasil daripada perasaan mengambil berat terhadap persekitaran baik dan kondusif (Thiengkamol, 2011). Melalui sikap yang baik terhadap keharmonian dan kesejahteraan terhadap alam sekitar individu akan mempelajari untuk menghargai keindahan alam semulajadi (Alan, Greg, & Jim, 2005). Manakala menurut Uzun (2007) sikap alam sekitar merujuk kepada kecenderungan pelakuan yang terbentuk secara konsisten tentang alam sekitar samada dalam bentuk positif ataupun negatif.



Maka salah satu pendekatan yang dilihat mampu mengubah sikap seseorang individu adalah melalui Program Perkhemahan Pendidikan Luar. Ini kerana Pendidikan Luar merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan diluar bilik darjah dengan menggunakan elemen alam sekitar sebagai elemen utama didalam proses pengajaran dan pembelajarannya (Neill, 2008). Perkara ini dilihat sebagai kekuatan didalam program perkhemahan Pendidikan Luar yang mana pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan diluar bilik darjah itu memberikan ruang serta peluang pelajar berinteraksi secara terus dengan alam semulajadi.

Ini secara tidak langsung memberikan pendedahan dan pengalaman kepada para pelajar tentang keadaan alam sekitar yang mereka gunakan sebagai makmal pembelajaran mereka. Melalui pembelajaran yang dilakukan tersebut pelajar boleh melihat sendiri



sejauhmanakah kemusnahan dan kerosakan alam sekitar yang telah berlaku sekaligus mampu memberikan kesedaran kepada para pelajar tersebut tentang betapa pentingnya alam sekitar kepada kumpulan generasi akan datang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Isu berkaitan alam sekitar di Malaysia menjelaskan sikap dan budaya segelintir masyarakat tidak mengira latar belakang jantina, faktor tempat tinggal dan juga perbezaan pendapat (ekosentrik dan egosentrik) yang tidak peduli tentang kebersihan dan persekitaran yang tidak kondusif ini (Meinhold & Malkus, 2005). Sebagai masyarakat yang prihatin, tanggungjawab terhadap kebersihan kawasan tertentu perlulah dipastikan demi kelangsungan hidup yang kondusif untuk generasi akan datang. Isu utama yang perlu diterokai berkaitan kesan program perkhemahan Pendidikan Luar sebagai indikator baharu dalam menerapkan kesedaran sikap individu terhadap alam sekitar tentang kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Isu seperti ini pernah dikaji oleh pengkaji lain tentang kesedaran masyarakat Malaysia terhadap alam sekitar (Md Amin, 2011). Maka pengkaji beranggapan perlunya suatu indikator yang baharu dalam memastikan timbulnya kesedaran tersebut dan melihat tentang kepentingan menjaga alam sekitar ini. Indikator yang dilihat baik dalam menghasilkan kesedaran seseorang individu terhadap alam sekitar adalah melalui pelaksanaan program perkhemahan Pendidikan Luar kepada individu (Beringer & Martin

2003). Beberapa hasil kajian memperlihatkan kesan program perkhemahan Pendidikan Luar dilihat mampu memberikan impak kepada seseorang individu terhadap alam sekitar. Antara hasil kajian yang telah dijalankan oleh Md Amin (2010), keatas pelajar-pelajar universiti di Malaysia memperlihatkan perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar melalui program perkhemahan Pendidikan Luar.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kesedaran sikap terhadap alam sekitar dan alam semulajadi telahpun diterapkan didalam kurikulum sistem pelajaran di Malaysia (Buku Pengurusan Kokurikulum, 2009). Bermula di peringkat bawahan sehinggalah ke peringkat yang tertinggi. Kesedaran mencintai alam sekitar telah diterapkan dengan menjaga dan memelihara alam semulajadi ciptaan Tuhan. Walau bagaimanapun, melalui kurikulum yang telahpun diterapkan pengkaji melihat kesedaran tentang kepentingan terhadap alam sekitar khususnya dikawasan sekolah masih diperingkat yang rendah. Ini dibuktikan dengan wujudnya kawasan-kawasan pembuangan sampah sarap yang masih tidak diurus dengan baik dan tahap kebersihan kawasan sekolah yang masih kurang memuaskan.

Pengkaji melihat indikator baharu ini bertujuan menimbulkan kesedaran serta melihat kepentingan tentang alam sekitar kepada golongan ini. Ini kerana, golongan ini merupakan golongan pewaris yang bakal memimpin serta mencerminkan negara pada masa akan datang. Ini kerana golongan ini hanya sekadar melihat melalui gambar kesan-kesan pembuangan sampah, kesan-kesan pengurusan sampah yang tidak sistematik,



penyakit-penyakit yang disebabkan persekitaran yang kotor serta pelbagai lagi kesan yang negatif berkaitan sampah sarap. Maka disebabkan itulah, kesedaran dan perubahan sikap individu dilihat kurang memberikan kesan kepada golongan pelajar ini.

Lantaran itulah, pengkaji melihat indikator baharu yang dilihat lebih relevan dalam menerapkan kesedaran dan penghayatan sikap individu terhadap alam sekitar tentang kepentingan memelihara dan memuliharanya. Melalui indikator baharu iaitu program perkhemahan Pendidikan Luar ini, pengkaji merasakan penghayatan serta pengalaman secara langsung akan berlaku sekaligus memperlihatkan sendiri kepada individu tentang kemusnahan alam sekitar yang semakin berleluasa seterusnya menimbulkan kesedaran tentang betapa pentingnya menjaga dan memelihara alam sekitar. Menurut kajian yang dijalankan (Castle, 1996), mendapati pelajar (kanak-kanak) adalah kumpulan yang sanggup untuk menyertai dalam memulihkan alam sekitar yang sebelum ini membelenggu mereka. Beliau turut menyatakan perlunya kajian yang lebih tentang kumpulan atau generasi ini. Kenyataan tersebut memperlihatkan bahawa pentingnya kajian dijalankan di negara ini khusus kepada kumpulan umur generasi tersebut. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Luar terdapat tiga fokus utama yang menjadi tumpuan pengajaran dan pembelajarannya iaitu (i) pembelajaran tentang alam semulajadi ataupun pendidikan persekitaran, (ii) pembentukan jati diri dan sosial, (iii) kemahiran tentang aktiviti luar. Ini telah dibuktikan oleh Md Amin (2010), di mana di dalam kajian beliau mendapati melalui program perkhemahan Pendidikan Luar ini memberikan kesan yang baik kepada individu tentang alam sekitar.





1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji melihat beberapa kajian lampau telahpun dijalankan dalam melihat kesan program pendidikan luar terhadap pembentukan jati diri seseorang individu. Menurut Law (1999) amali pendidikan luar sekarang ini lebih memfokuskan kepada kesan kemahiran aktiviti pendidikan luar di dalam sesuatu perkhemahan pendidikan luar itu sahaja. Sebaliknya meniadakan hasil utama pembelajaran pendidikan luar iaitu memelihara dan memulihara alam sekitar dan alam semulajadi. Pembentukan sikap dan kesedaran itu perlulah dilakukan diperingkat awal iaitu diperingkat sekolah lagi. Pembentukan sikap ini boleh dilakukan melalui indikator baharu yang dilihat sebagai medium perubahan sikap seseorang individu terhadap alam sekitar. Dalam kajian yang pernah dijalankan oleh Liepina & Krauktsa (2014) kajian dijalankan ke atas $n=97$ orang pelajar tahun dua Pendidikan Jasmani & Sukan Universiti Latvia dalam melihat keberkesanan perkhemahan Pendidikan Luar terhadap sikap pelajar universiti tersebut terhadap alam sekitar. Kajian mendapati melalui program perkhemahan tersebut mempengaruhi perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar.

Antara lain kajian yang telah dijalankan diperingkat kolej dan universiti sepertimana kajian yang pernah dijalankan oleh Müderrisoğlu dan Altanlar (2011) kepada pelajar universiti di Turki tentang sikap pelajar terhadap isu alam sekitar. Kajian yang dijalankan ini dilihat mampu memberikan perubahan sikap seseorang pelajar atau individu. Antara lain adalah kajian oleh Skala, Springer, Sharma, Hoelscher & Kelder (2012) tentang sikap pelajar terhadap alam sekitar bagi perbezaan tempat tinggal di Texas



USA. Kajian ini pula melihat pengaruh tempat tinggal mempengaruhi perubahan sikap pelajar terhadap alam sekitar melalui program perkhemahan Pendidikan Luar yang dijalankan. Walaupun kajian-kajian lampau dilihat lebih banyak tertumpu kepada pelajar diperingkat kolej mahupun universiti, maka pengkaji melihat perlunya penumpuan kepada kumpulan pelajar yang berada diperingkat sekolah.

Maka kajian ini lebih tertumpu kepada pelajar sekolah diperingkat akar umbi yang dilihat masih belum berleluasa. Ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor kurangnya kajian tentang perkhemahan pendidikan luar dilakukan di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah dinegara ini. Ini dibuktikan dengan kurangnya hasil kajian yang diperolehi di Malaysia ini. Lantaran itu jugalah pengkaji melihat perlunya kajian tersebut dilaksanakan sebagai langkah awal dalam menghasilkan dapatan kajian yang mungkin berguna kepada masyarakat Malaysia umumnya dan masyarakat setempat khususnya dalam menjaga persekitaran.

Menurut pengkaji, cadangan program perkhemahan pendidikan luar adalah medium yang terbaik dalam meningkat sikap pelajar terhadap alam sekitar kerana ianya memberikan peluang pembelajaran yang unik dan secara langsung dengan alam semulajadi (Jeffrey, 2001). Ini kerana, melalui perkhemahan pendidikan luar ini, pelajar akan menggunakan alam sekitar sebagai makmal pembelajaran untuk tujuan interaksi dan pembelajaran mereka sendiri. Melalui program perkhemahan pendidikan luar ini, pelajar akan meluangkan lebih masa untuk mengalami dan merasai sendiri pengalaman pengajaran dan pembelajaran dengan alam semulajadi. Pengajaran dan pembelajaran ini

sebenarnya memberikan ruang masa kepada pelajar bagi menghayati dan memahami alam semulajadi berbanding pengajaran dan pembelajaran didalam kelas (Palmberg & Kuru, 2000). Sikap pelajar terhadap alam sekitar boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti faktor jantina, faktor tempat tinggal mereka dan juga perbezaan pendapat tentang kepentingan memelihara alam sekitar. Faktor-faktor ini dilihat boleh mempengaruhi kepada perubahan sikap seseorang individu terhadap alam sekitar (Md Amin, 2010).

Ini kerana beberapa dapatan kajian berkaitan kesan program perkhemahan pendidikan luar memperlihatkan hasil dapatan yang lebih memfokuskan kepada kesan jati diri dan keyakinan diri sahaja serta kemahiran dan aktiviti didalam Pendidikan Luar itu sendiri. Maka pengkaji melihat pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah sebagai pembolehubah yang perlu dilihat sepertimana perubahan sikap tersebut adakah dipengaruhi oleh faktor seperti jantina diantara lelaki dan perempuan, faktor tempat tinggal iaitu mereka yang tinggal di kawasan pekan dan kampung ataupun faktor perbezaan pendapat dalam kalangan mereka yang berpendapat egosentrik mahupun ekosentrik.

Hujahan ini turut disokong dengan kenyataan oleh Haluza-Delay (1999) dan Law (1998) kesedaran tentang persekitaran dan pembentukan sikap persekitaran yang positif tidak berlaku secara serius didalam program pendidikan luar. Ianya memperlihatkan kesan kepada jati diri dan keyakinan seseorang individu terhadap aktiviti-aktiviti didalam program perkhemahan pendidikan luar sahaja. Ini menjelaskan, kesan pendidikan luar terhadap seseorang masih dilihat gagal memberikan impak yang positif kepada

masyarakat Malaysia amnya terhadap kesedaran tentang kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar. Kesedaran tentang pentingnya menjaga dan memelihara alam sekitar ini sangat rendah dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini dibuktikan dengan masih berlakunya lagi penebangan pokok dikawasan hutan simpan, pembuangan sisa sampah dan makanan dimerata tempat, berlakunya pembakaran terbuka dan pelbagai lagi kemusnahan alam sekitar serta ekologi alam semulajadi. Ini dibuktikan berdasarkan laporan-laporan mahkamah berkaitan dengan isu-isu alam sekitar yang dilaporkan dan direkodkan di Malaysia dari tahun 2010 sehingga 2013.

Selain itu, pengkaji juga melihat, kesedaran ini seharusnya diterapkan lebih awal lagi terutamanya generasi muda akan datang supaya mentaliti dan kesedaran tentang alam sekitar itu perlu dipelihara dengan baik. Lantaran tersebut perlunya suatu kajian yang dijalankan fokus kepada kumpulan generasi muda terutamanya mereka yang di peringkat persekolahan supaya kesedaran tersebut wujud dan memberikan impak baru serta mentaliti yang baru kepada golongan ini. Selain itu juga, cabaran ini penting bagi memahami generasi akan datang tentang pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang bersesuaian terhadap alam sekitar (Sankar & Ara, 2007)

Perkhemahan Pendidikan Luar ini perlu dilihat sebagai indikator yang perlu diterapkan kepada para pelajar khususnya dalam pembentukan modal insan seseorang individu. Ramai pengkaji menyatakan bahawa Pendidikan Luar adalah proses pembelajaran kepada pembangunan sosial dan peribadi seseorang melalui pengalaman yang telah dilalui (Brown, 2008; Brown & Fraser, 2010; Cosgriff, 2008; Lynch, 2006;



Zink & Boyes, 2006), Zink (2003). Selain itu, didalam program perkhemahan ini juga, pelajar akan belajar untuk lebih berdikari, melatih kemahiran sosial pelajar, berkongsi tanggungjawab didalam kumpulan, dan melakukan interaksi secara terus dengan alam semulajadi (Jeffrey, 2001).

Ini menunjukkan bahawa Pendidikan Luar merupakan proses pengajaran & pembelajaran (pdp) diluar bilik darjah yang baik dalam membentuk pembangunan peribadi seseorang. Perkara ini turut di sokong oleh Martin (2004), menjelaskan dimana perkhemahan Pendidikan Luar merupakan pusat keseronokan pelajar tentang alam sekitar dan motivasi mereka melalui aktiviti yang mencabar dan juga melalui pengembaraan yang mencabar.



Lantaran itu, perkhemahan Pendidikan Luar ini dilihat mampu memberikan impak yang positif kepada para pelajar. Perkara ini telah dibuktikan oleh Neill (2008) menjelaskan melalui kajian-kajian empirikal yang telah dijalankan, Pendidikan Luar memperlihatkan impak yang baik samada impak dalam tempoh masa singkat mahupun dalam jangka masa yang panjang. Ini kerana, perolehan impak tersebut diperolehi melalui aktiviti yang telah dilaksanakan semasa program perkhemahan Pendidikan Luar itu.

Bern dan Simpson (2009), menjelaskan didalam kajiannya penyertaan peserta didalam perkhemahan pendidikan luar dapat meningkatkan dan menguatkan motivasi peserta terhadap keprihatinan terhadap alam sekitar melalui pengkhususan aktiviti perkhemahan pendidikan luar seperti aktiviti lasak dan mencabar, kesedaran tentang alam

